

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[ JELEBU ]**

**SOALAN**

**YB. DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [ JELEBU ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan semula sektor pelancongan di Malaysia terutamanya apabila pintu sempadan negara dibuka kelak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut memberi kesan kepada industri pelancongan global.
  
2. Justeru, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 telah membolehkan sektor pelancongan domestik beroperasi semula bermula 10 Jun 2020 yang lalu. Ini sekaligus memberi nafas lega kepada rakyat di negara ini, terutamanya penggiat industri pelancongan untuk merancakkan semula

aktiviti pelancongan yang terjejas teruk ketika tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB yang lalu.

3. Bagi memastikan industri pelancongan kembali aktif, Kementerian telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan melalui strategi-strategi seperti:

- i. memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui Kempen Malaysia Bersih dan Selamat;
- ii. merancakkan semula pelancongan domestik;
- iii. meneroka potensi ketibaan pelancong asing melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross border tourism* seperti mengadakan gelembung perjalanan atau *travel bubble* dengan negara-negara jiran atau destinasi-destinasi zon hijau; dan
- iv. memberi keutamaan kepada segmen yang telah dibenarkan oleh Kerajaan seperti pelancongan kesihatan, taman tema dan MICE (*Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions*).

4. Pada peringkat permulaan, MOTAC telah melaksanakan lima (5) tindakan utama iaitu:-

- i. menggalakkan rakyat kembali melancong dalam menyemarakkan semula industri pelancongan domestik negara melalui tawaran-tawaran oleh penggiat industri pelancongan seperti perhotelan;
- ii. menggerakkan semula produk-produk dan aktiviti-aktiviti di bawah sektor pelancongan untuk kembali menjana pendapatan dan menyumbang kepada ekonomi negara; dan
- iii. membenarkan lawatan pengunjung ke semua premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat

- kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan;
- iv. membenarkan penganjuran program dan acara berbentuk kebudayaan dan kesenian berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Acara Langsung bermula 1 Julai 2020; dan
  - v. menggalakkan komuniti pelancongan mengamalkan pembudayaan baru dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard yang telah ditetapkan sebagai norma baharu aktiviti pelancongan di Malaysia.
5. Seterusnya, bagi tempoh masa jangka panjang, Kementerian akan terus komited melaksanakan pelancongan lestari serta meningkatkan pendapatan pelancongan seiring dengan *Agenda Sustainable Development Goals 2030* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertujuan untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam sekitar, seni budaya dan warisan.
6. Apabila pintu sempadan negara dibuka kelak, Kementerian akan terus memastikan kesinambungan usaha-usaha membangunkan industri pelancongan negara. Antaranya:
- i. meningkatkan kerjasama dengan Kementerian dan agensi berkaitan bagi memudahkan kemasukan pelancong asing dengan mengambil kira pembudayaan kelaziman baharu;
  - ii. melaksanakan strategi pelan pemulihan terutamanya untuk “*market rebound*” bagi pasaran jarak dekat seperti pasaran ASEAN selaku penyumbang terbesar apabila keadaan pasaran dan ekonomi semakin pulih. Di samping itu, Kementerian melalui agensinya Tourism Malaysia akan merancakkan semula jenama *Malaysia Truly Asia* dengan memberi penekanan pada konsep *Experiential Malaysia* sebaik sahaja wabak COVID-19 dapat dibendung;

- iii. mempertingkatkan kerjasama strategik dengan sektor swasta seperti syarikat/agensi pelancongan, dan pengusaha-pengusaha produk pelancongan dalam membangunkan pakej-pakej pelancongan yang menarik/minat khas (*niche*) bagi meningkatkan pendapatan pelancongan dan ketibaan pelancong asing dari pasaran sasaran;
- iv. meneruskan pelaksanaan *Joint International Tourism Development* (JITDP) bagi mempergiat kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa terutamanya perkhidmatan penerbangan sewa khas bagi tujuan meningkatkan kekerapan dan penawaran tempat duduk penerbangan ke Malaysia; dan
- v. memaksimumkan potensi sosio-ekonomi sektor pelancongan menerusi digitalisasi dalam merangka strategi promosi dan pemasaran bersasaran yang berdaya saing serta pembangunan platform dalam talian khusus bagi agensi pelancongan tempatan.

Sekian, terima kasih.